

**Pilih PM yang peroleh sokongan majoriti penuh - Pakar Perlembagaan  
AstroAwani  
26 Februari 2020  
Fauzi Suhaimi,**

KUALA LUMPUR: Pemilihan calon Perdana Menteri menerusi wawancara antara Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah dengan semua Ahli Parlimen perlu dibuat berdasarkan calon yang benar-benar mendapat sokongan majoriti.

Pakar Perlembagaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof Dr Nik Ahmad Kamal Nik Mahmod berkata, perkara itu bagi memastikan tidak timbul undi tidak percaya dalam sidang Dewan Rakyat pada Mac depan.

"Proses ini merupakan suatu yang menarik kerana tidak pernah berlaku dalam sejarah negara cuma apa yang kita mahu ialah proses ini berjalan lancar dan lantikan Perdana Menteri itu ialah lantikan yang benar-benar mendapat sokongan majoriti penuh Ahli Parlimen.

"Kita tidak mahu apabila Ahli Parlimen menghadap Yang di-Pertuan Agong kemudiannya sesuatu yang lain berlaku (undi tidak percaya) apabila mereka kembali ke Parlimen nanti," katanya ketika dihubungi Astro AWANI pada Selasa.

Terdahulu buat pertama kali dalam sejarah politik tanah air apabila kesemua Ahli Parlimen kecuali Perdana Menteri Interim, Tun Dr Mahathir Mohamad dititah untuk menghadap Yang di-Pertuan Agong bagi menzahirkan siapakah calon Perdana Menteri pilihan dalam sesi temubual secara peribadi.

Nik Ahmad Kamal berkata langkah yang diambil baginda disifatkan sebagai langkah bijak meskipun perkara itu selaras dengan peruntukan Perlembagaan.

"Dengan cara ini sudah pasti akan menjadi suatu prosedur pada masa depan jika berlaku isu yang sama termasuk isu membabitkan pembentukan kerajaan negeri," ujarnya.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.  
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/pilih-pm-yang-peroleh-sokongan-majoriti-penuh-pakar-perlembagaan-231716>